

# TOPWELLNESS MYCOBAL 500 mcg Tablet

Mecobalamin (500 mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Mycobal*
2. Bagaimana *Mycobal* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Mycobal*
4. Cara menggunakan *Mycobal*
5. Semasa menggunakan *Mycobal*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan-  
*Mycobal*
8. Deskripsi Produk
9. Nama dan Alamat Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk

## Apakah kegunaan *Mycobal*

*Mycobal* digunakan untuk rawatan kebas, sakit dan lumpuh disebabkan oleh neuropati periferi seperti neuropati diabetes dan polineuritis. Juga digunakan untuk merawat anemia megaloblastik akibat kekurangan Vitamin B12.

## Bagaimana *Mycobal* berfungsi

Methylcobalamin adalah koenzim bagi Vitamin B12. Ia memainkan peranan penting dalam membantu proses pemulihan sel saraf yang rosak serta mengekalkan fungsi sel saraf yang betul.

## Sebelum menggunakan *Mycobal*

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil *Mycobal* jika: Anda pernah mengalami tindakbalas alahan terhadap Methylcobalamin atau mana-mana bahan dalam produk ini.

### -Sebelum menggunakan *Mycobal*

Maklumkan kepada doktor jika anda alah kepada mana-mana ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

-Beritahu juga doktor anda jika:

- Pekerjaan anda melibatkan pendedahan kepada merkuri atau sebatian merkuri.

*Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, berbincanglah dengan doktor anda.*

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat dan *Mycobal* mungkin berinteraksi. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Ubat kencing manis (contohnya: metformin)
- Antibiotik (contohnya: chloramphenicol, neomycin, aminosalicylic acid dan kumpulan aminoglycosides (contohnya: gentamicin))
- Ubat ulser gastrik (contohnya: cimetidine, ranitidine)
- Ubat epilepsi (contohnya: phenobarbital)
- Colchicine (untuk gout)

## -Kehamilan dan Penyusuan

- Jika anda hamil atau menyusu, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli profesional sebelum mengambil produk ini.

## Cara menggunakan *Mycobal*

### -Berapa banyak harus digunakan

- Ambil mengikut arahan doktor atau ahli farmasi. Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### -Bila Untuk Menggunakannya

- Dewasa: Dos permulaan ialah 500 mcg (1 tablet) sebanyak 3 kali sehari atau mengikut arahan doktor.

### -Berapa lama perlu digunakan

- Teruskan pengambilan seperti diarahkan. Ubat ini mengawal keadaan anda tetapi tidak menyembuhkannya. Adalah penting untuk terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Methylcobalamin selamat dan tidak diketahui mempunyai toksikiti. Rawatan biasanya tidak diperlukan. *Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.*

## Semasa menggunakan *Mycobal*

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil *Mycobal* anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, atau jika kesan sampingan menjadi serius atau jika ada perkara lain yang membuat anda berasa tidak sihat.
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil *Mycobal*.
- Jika anda sedang dirawat untuk diabetes, pastikan anda memeriksa paras gula darah anda dengan kerap dan melaporkan sebarang perubahan kepada doktor anda.

# TOPWELLNESS MYCOBAL 500 mcg Tablet

Mecobalamin (500 mcg)

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa berunding dengan doktor anda. Adalah penting untuk terus mengambil ubat anda walaupun anda berasa sihat.
- Jangan gunakan *Mycobal* selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label. Jangan
- berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Mengambil *Mycobal* tidak mungkin menjejaskan keupayaan anda dalam memandu dan mengendalikan jentera.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti kebanyakan ubat, *Mycobal* boleh menyebabkan kesan sampingan pada sesetengah pesakit, terutamanya apabila anda mula-mula mengambilnya tetapi tidak semua orang akan mendapatnya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati kesan sampingan berikut dan ia membimbangkan anda:

- Anoreksia
- Loya
- Muntah
- Cirit-birit

*Senarai di atas adalah kesan sampingan ubat yang lebih biasa.*

Beritahu doktor anda secepat mungkin jika anda mendapati mana-mana yang berikut:

- Ruam kulit atau urtikaria

*Senarai di atas adalah kesan sampingan ubat yang jarang berlaku.*

*Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda melihat apa-apa lagi yang membuat anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah orang.*

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melayari laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Pengguna → Melaporkan Kesan Sampingan kepada Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)]

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### ***Mycobal***

#### - Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

#### -Amaran/Langkah Berjaga-jaga

- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

#### -Pelupusan

- Jangan gunakan *Mycobal* selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label.

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil *Mycobal* atau tarikh luput telah berlalu, tanya ahli farmasi anda cara yang betul untuk melupuskan baki ubat.

## **Deskripsi Produk**

### -Rupa dan warna produk

- *Mycobal* 500mcg Tablet tidak bersalut putih, bentuk bulat, diameter 10mm, timbul dengan NOVA pada satu sisi, tiada markah.

Bau: Tiada bau

Rasa: Rasa biasa

### -Bahan/Bahan Kandungan

Bahan Aktif:

- Methylcobalamin

### -Bahan-Bahan Tidak Aktif

- Laktosa, Kanji jagung, Polyvinylpyrrolidone K-30, Microcrystalline cellulose, Magnesium stearate, Silicon Dioxide, Sodium Starch Glycolate

## -Nombor MAL

MALXXXXXXXXC

## **Nama dan Alamat Pengilang**

Nova Laboratories Sdn Bhd Lot 708, Nova Avenue, Batu 4, 43950 Sungai Pelek, Sepang, Selangor, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Topwellness Healthcare Sdn. Bhd. Unit 11-4, No. 2, Block 2, Jalan Setia Prima (S) U13/S, Setia Alam, Seksyen U13, 40170 Shah Alam, Selangor.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

12/6/2025

## **Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/027